

Kos beli kepentingan daripada cukai rakyat: PM

Klang: Tun Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat memahami bahawa mereka yang menanggung kos pengambilalihan konsesi lebuhraya walaupun pembayaran dibuat oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu membeli kepentingan dalam konsesi lebuhraya menggunakan cukai yang dikutip daripada rakyat, dan akhirnya rakyatlah yang membayar kos itu walaupun ia melalui kerajaan.

Justeru katanya, ia akan menyebabkan kerajaan kekurangan dana untuk membiayai projek pembangunan lain yang juga diperlukan rakyat.

"Kecaman rakyat memang akan datang bila kita tidak hapuskan tol, tetapi rakyat mesti faham wa-

laupun mereka tidak bayar tol tetapi kerajaan kena bayar tol.

"Kerajaan bayar tol daripada duit yang dikutip daripada rakyat. Akhirnya rakyat membayar walaupun melalui kerajaan. Kerajaan perlu beli *highway* (lebuhraya) guna duit siapa? Duit daripada cukai yang dikutip daripada rakyat.

Guna kutipan cukai

"Kemudian jalan mesti diperbaiki sepanjang masa. Itu juga kena dibelanjakan oleh kerajaan, tidak lagi oleh syarikat konsesi. Ini juga bermakna sebahagian daripada cukai yang kita kutip mestilah digunakan untuk menyelenggara jalan, bermakna kerajaan akan kekurangan wang untuk lain-lain projek yang juga perlu," katanya selepas me-

rasmikan loji pembuatan batang tembaga (copper rod) milik Metrod Holdings Berhad di sini, semalam.

Dr Mahathir mengulas kritikan kumpulan tertentu susulan pengumuman kerajaan kelmarin yang sedang berunding mengambil alih empat konsesi lebuhraya sekitar Selangor dan Lembah Klang yang dikuasai Gamuda Bhd.

Menerusi pengambilalihan itu, kerajaan akan memperkenalkan mekanisme baharu kutipan tol dengan memperkenalkan caj kesesakan selama enam jam sehari, diskaun 30 peratus kadar tol pada bukan waktu puncak dan laluan percuma mulai jam 11 malam hingga 5 pagi.

Empat lebuhraya berkenaan membabitkan Lebuhraya Daman-

sara Puchong (LDP), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Terowong SMART.

Tawar kadar murah

Dr Mahathir berkata, walaupun ramai yang mengkritik caj berkenaan, kerajaan sebenarnya menawarkan kadar yang murah kerana tidak ramai yang menggunakan kemudahan itu di luar waktu puncak dan pengguna akan memilih waktu sedemikian untuk memulakan perjalanan, seterusnya memperoleh manfaat daripada pengurangan kadar itu.

Namun katanya, untuk menghapuskan semua adalah mahal, justeru kerajaan sedang mencuba untuk mengurangkan jumlah yang

perlu dibayar bagi mengambil alih lebuhraya.

"Ia bermakna, kita perlu buat satu persatu dan bukan semuanya bebas tol, sebahagian saja," katanya.

Sementara itu di **Semenyih**, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kerajaan memang bercadang mengambil alih semua konsesi lebuhraya di negara ini, namun ia akan dilakukan secara berperingkat dan perlu melalui proses yang betul.

Azmin berkata, proses pengambilalihan tol lebuhraya memerlukan perbincangan menyeluruh seperti melihat kembali perjanjian yang ditandatangani serta implikasi kewangan.

BH - 26/2/2019 m/s: 3